

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *Verquvo*
2. Bagaimana *Verquvo* berfungsi
3. Sebelum menggunakan *Verquvo*
4. Cara menggunakan *Verquvo*
5. Semasa menggunakan *Verquvo*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *Verquvo*
8. Perihal Produk
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP
11. Nombor Siri

Apakah kegunaan *Verquvo*

Verquvo digunakan untuk merawat orang dewasa yang mengalami kegagalan jantung jangka panjang yang baru-baru ini menghadapi peningkatan simptom kegagalan jantung. Oleh itu, anda mungkin telah pergi ke hospital dan/atau menerima ubat (diuretik) yang diberikan melalui urat untuk membantu anda membuang lebih banyak air kecil berbanding biasa.

Kegagalan jantung adalah apabila jantung anda adalah lemah dan jantung anda tidak dapat mengempam darah yang mencukupi ke dalam badan anda. Beberapa simptom biasa kegagalan jantung adalah sesak nafas, keletihan atau pembengkakan disebabkan oleh cecair yang terkumpul.

Bagaimana *Verquvo* berfungsi

Verquvo mengandungi bahan aktif *vericiguat*, yang merupakan sejenis ubat jantung yang dipanggil *soluble guanylate cyclase stimulator*. Ia berfungsi dengan melebarkan arteri untuk memudahkan jantung mengempam lebih banyak darah dan oksigen ke seluruh badan.

Sebelum menggunakan *Verquvo*

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil *Verquvo* jika anda:

- alah kepada *vericiguat* atau sebarang bahan-bahan dalam ubat ini
- mengambil sebarang ubat yang mengandungi ***soluble guanylate cyclase stimulator*** lain, cth. *riociguat* yang digunakan untuk merawat

tekanan darah tinggi di dalam paru-paru.

Jika mana-mana di atas berkenaan dengan anda, **berbincang dengan doktor anda dahulu** dan jangan ambil ubat ini.

- Sebelum mula menggunakan *Verquvo*

Berbincanglah dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil *Verquvo* jika anda mempunyai

- **tekanan darah rendah** dengan simptom seperti pening atau pening-pening lalat,
- **masalah buah pinggang** atau sedang menjalani dialisis.
- **mempunyai masalah hati yang teruk.**

Kanak-kanak dan remaja

Jangan berikan ubat ini kepada kanak-kanak dan remaja berumur bawah 18 tahun kerana ia belum lagi dikaji dalam kumpulan umur ini.

Kehamilan dan menyusukan anak

Jika anda sedang hamil atau menyusukan anak, berpendapat anda mungkin hamil atau merancang untuk hamil, tanya doktor anda atau ahli farmasi sebelum mengambil ubat ini.

Kehamilan

Verquvo tidak boleh digunakan semasa kehamilan kerana ia tidak diketahui sama ada akan membahayakan bayi dalam kandungan. Jika terdapat kemungkinan anda boleh hamil, bincanglah dengan doktor anda tentang bentuk pencegahan hamil yang boleh dipercayai.

Menyusukan Anak

Ia tidak diketahui sama ada *Verquvo* akan memasuki susu ibu dan boleh membahayakan bayi anda. Doktor anda akan memutuskan dengan anda sama ada penyusuan ibu atau terapi *Verquvo* harus dihentikan.

- Jika mengambil ubat-ubatan lain

Beritahu doktor anda atau ahli farmasi jika anda sedang mengambil atau baru-baru ini telah mengambil atau mungkin

telah mengambil sebarang ubat lain, terutamanya ubat yang

- tergolong dalam *soluble guanylate cyclase stimulator* (cth. *riociguat*). Jangan ambil *Verquvo* apabila mengambil ubat-ubatan ini. Lihat “Jangan ambil *Verquvo*”.
- merawat tekanan darah tinggi di dalam paru-paru, atau ubat-ubatan untuk mencapai atau mengekalkan ereksi, yang dipanggil *PDE5 inhibitor* (cth. *sildenafil*, *tadalafil*, *vardenafile*). Penggunaan ubat-ubatan ini tidak disyorkan apabila mengambil *Verquvo*.
- merawat penyakit jantung termasuk sakit dada, dipanggil *nitrate* (cth. *isosorbide mononitrate*).

Cara menggunakan *Verquvo*

- Berapa banyak harus diambil
- Bila perlu digunakan

Sentiasa ambil ubat ini mengikut arahan doktor. Sila tanya doktor atau ahli farmasi anda jika anda tidak pasti.

Dos permulaan yang disyorkan ialah 1 tablet 2.5 mg sekali sehari. Doktor anda kemudiannya akan melaraskan dos bergantung pada tahap anda dapat menerima rawatan. Biasanya, doktor anda akan meningkatkan dos selepas kira-kira 2 minggu hingga 1 tablet 5 mg sekali sehari dan selepas kira-kira 2 minggu lagi sehingga **dos sasaran maksimum 1 tablet 10 mg** sekali sehari.

Jika anda mempunyai **tekanan darah rendah** semasa mengambil *Verquvo*, ini boleh membuatkan anda pening dan pening-pening lalat dan doktor anda boleh mengurangkan dos *Verquvo* buat sementara waktu atau menghentikan rawatan anda dengan *Verquvo*.

Ambil satu tablet pada masa yang sama setiap hari bersama makanan. Jika anda tidak dapat menelan tablet, anda boleh menghancurkan *Verquvo* dan mengadunkan dengan air. Ambil campuran ini dengan segera.

- Berapa lama untuk menggunakannya

Jangan berhenti mengambil ubat ini tanpa bercakap dengan doktor anda terlebih dahulu. Jika anda berhenti mengambil ubat ini, keadaan anda mungkin akan bertambah teruk.

- Jika anda terlupa mengambilnya

Ambil tablet yang terlupa diambil sebaik sahaja anda mengingatkannya pada hari yang sama dos terlupa diambil. Jangan ambil dos ganda untuk menggantikan tablet yang terlupa diambil.

- Jika diambil secara berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda serta-merta jika anda mengambil lebih *Verquvo* daripada yang sepatutnya dan anda menghadapi sebarang kesan-kesan sampingan yang disenaraikan di bawah. Kesan yang paling mungkin berlaku adalah merendahkan tekanan darah anda yang boleh menjadikan anda berasa pening dan pening-pening lambat.

Semasa menggunakan *Verquvo*

- Perkara yang perlu dilakukan

Sentiasa ambil ubat ini mengikut arahan doktor.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan lanjut tentang penggunaan ubat ini, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat ini tanpa bercakap dengan doktor anda. Jika anda berhenti mengambil ubat ini, keadaan anda mungkin akan bertambah teruk.

- Perkara yang perlu diberikan perhatian

Memandu dan menggunakan jentera

Jika anda berasa pening setelah mengambil ubat ini, jangan pandu kenderaan, berbasikal atau menggunakan sebarang jentera.

***Verquvo* mengandungi laktosa dan natrium**

Ubat ini mengandungi laktosa. Jika anda telah diberitahu oleh doktor anda bahawa anda mempunyai intoleransi terhadap gula tertentu, hubungi doktor anda sebelum mengambil ubat ini.

Ubat ini mengandungi kurang daripada 1 mmol natrium (23 mg) bagi setiap tablet, yang bermaksud secara asasnya “bebas natrium”.

Kesan-kesan Sampingan

Seperti semua ubat, ubat ini boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Kesan-kesan sampingan yang mungkin berlaku ialah:

Sangat umum: (boleh dialami lebih daripada 1 dalam 10 orang)

- tekanan darah rendah (hipotensi)

Umum: (boleh dialami hingga 1 dalam 10 orang)

- bilangan sel darah merah yang rendah (anemia), yang boleh menyebabkan kulit pucat, rasa lemah atau sesak nafas

- pening

- sakit kepala

- loya dan muntah

- ketidakhadaman (dispepsia)

- pedih hulu hati (penyakit refluks gastro-esofageal)

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan dengan melayari laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara Penyimpanan Dan Pelupusan *Verquvo*

- Penyimpanan

Simpan di tempat yang tidak boleh dilihat dan dicapai oleh kanak-kanak.

Simpan di bawah 30°C.

Jangan gunakan ubat ini selepas tarikh luput yang dicatatkan pada karton dan pada setiap blister atau botol selepas “EXP”. Tarikh luput merujuk kepada hari terakhir bulan tersebut.

Ubat ini tidak memerlukan apa-apa keadaan penyimpanan yang khas.

- Pelupusan

Jangan buang sebarang ubat melalui air kumbahan atau sisa isi rumah. Tanya ahli farmasi anda tentang cara melupuskan ubat yang tidak lagi

diperlukan. Langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

Perihalhan Produk

- Rupa produk

Verquvo film coated tablet 2.5mg

Bulat, dwicembung, *film coated tablet* putih dengan diameter 7 mm, bertanda dengan “2.5” pada sebelah sisi, dan “VC” pada sebelah lagi sisi.

Verquvo film coated tablet 5mg

Bulat, dwicembung, *film coated tablet* perang merah dengan diameter 7 mm, bertanda dengan “5” pada sebelah sisi, dan “VC” pada sebelah lagi sisi.

Verquvo film coated tablet 10 mg

Bulat, dwicembung, *film coated tablet* kuning jingga dengan diameter 9 mm, bertanda dengan “10” pada sebelah sisi, dan “VC” pada sebelah lagi sisi.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Bahan aktif ialah *vericiguat*. Setiap *film coated tablet* mengandungi 2.5 mg, 5 mg, atau 10 mg *vericiguat*.

- Bahan tidak aktif

Tablet core:

- Cellulose microcrystalline
- Croscarmellose sodium
- Hypromellose
- Lactose monohydrate
- Magnesium stearate
- Sodium lauril sulfate.

Film coat (2.5mg):

- Hypromellose
- Talc
- Titanium dioxide (E171)

Film coat (5mg):

- Hypromellose
- Talc
- Titanium dioxide (E171)
- Ferric oxide red (E172)

Film coat (10mg):

- Hypromellose
- Talc
- Titanium dioxide (E171)
- Ferric oxide yellow (E172)

Verquvo® (Vericiguat) *Film Coated Tablet* 2.5 mg, 5mg, 10mg

- Nombor MAL:

MALXXXXXXXXAZ

Pengilang

Bayer AG
Kaiser-Wilhelm-Allee
51368 Leverkusen
Jerman

Pemegang Pendaftaran Produk

Bayer Co. (Malaysia) Sdn Bhd
25-03 & 25-04, Level 25, IMAZIUM
No 8, Jalan SS21/37, Damansara Uptown
47400 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

XX/08/2022

Nombor Siri:

NPRA (R1) 22/007